

Debat Perdana Gender buka tirai

» Terima 100 penyertaan pelbagai IPT tempatan

Oleh Arina Azlan
bhnews@bh.com.my

Ipoh

Putrajaya: Pertandingan Debat Perdana Gender 2014 anjuran Institut Pengupayaan Wanita bagi Pergerakan Negara-Negara Anggota Berkewajipan (NIEW) membuka tirai dengan menerima 100 pasukan pada hari pendaftaran di Institut Penilaian Negara (ISPEN) di sini, semalam.

Penolong Pengarah Bahagian Kesihatan dan Antikeganasan Terhadap Wanita NIEW, Malia Mohamed, berkata promosi yang lebih aktif terutamanya melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter adalah antara faktor peningkatan jumlah penyertaan daripada pela-

jar institusi pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata, pelajar kini lebih berkeyakinan untuk membabitkan diri dalam program seumpama itu yang boleh dijadikan satu saluran untuk menyuarakan pendapat mereka.

Pelbagai isu

"Melalui pertandingan debat ini juga, pelajar dapat didedahkan dengan pelbagai isu berkaitan gender dan cara terbaik untuk menyelesaiakannya," katanya ketika ditemui pada sesi pendaftaran peserta pertandingan itu, di sini.

Bagi edisi kali ini, NIEW memilih untuk bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan semua pertandingan debat akan diadakan di universiti berkenaan selama empat hari, bermula semalam.

Pertandingan yang diadakan sejak 2011 itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Universiti Malaysia (MADUM) dan universiti berkenaan, sementara ISPEN sebagai tempat penginapan rasmi peserta sepanjang pertandingan.

Tebus kekalahan lalu

Sementara itu, wakil dari Universiti Malaysia Pahang (UMP), Hafizzudin Mohd Noor, 22, berkata untuk pertandingan kali ini, beliau akan cuba untuk menebus kekalahan pasukannya pada tahun lepas yang hanya layak ke peringkat separuh akhir.

"Saya berasa amat bangga untuk sekali lagi mewakili UMP dan akan mencuba yang terbaik dalam mengembalikan takhta juara UMP sebelum ini," katanya.



Pendaftaran peserta Debat Perdana Gender 2014 di Institut Penilaian Negara, Putrajaya.

[FOTO AFENDI MOHAMED / BH]

Wakil dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), M Kavitha pula mengakui menyertai pertandingan debat banyak membantu dirinya untuk lebih peka dengan isu semasa dan menjadi satu platform bagi pelajar seperti beliau menyuarakan pendapat melalui saluran yang betul.

"Sebagai pelajar jurusan Matematik Kewangan, saya merasakan pertandingan debat ini membolehkan saya lebih serius membincarakan apa yang berlaku di sekeliling kita," katanya.

Antara usul debat yang bakal menjadi pilihan peserta ialah Wanita Milenium Sudah Merdeka; Kita Perlukan Mahkamah Wanita; Kita Akan Mewujudkan Timbalan Perdana Menteri; Feminisme Sudah Tidak Relevan dan Kita Akan Menentang Pengenalan Kategori Jantina Ketiga Dalam Sukan.

Pertandingan debat kali ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu debat bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan setiap IPT boleh menghantar dua pasukan untuk setiap kategori.